



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

PRODUK MySTI: *AEDESTECH MOSQUITO HOME SYSTEM* (AMHS) BUKTIKAN KEBERKESANAN KAWALAN VEKTOR DENGGI SECARA BERSEPADU

PERAK, 2 OGOS 2025 - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama antara Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM), Pejabat Kesihatan Daerah Muallim, komuniti setempat, syarikat One Team Networks serta rakan strategik seperti UPM, MTDC dan MRANTI telah mengadakan Program Keberkesanan Strategi Kawalan Vektor Bersepadu Terhadap Populasi Vektor Denggi Menggunakan Produk MySTI yang telah dilaksanakan di Bandar Behrang 2020, Tanjong Malim. Kerjasama ini telah membuktikan bahawa pendekatan saintifik dan komuniti boleh digabung secara berkesan dalam usaha membanteras denggi.

Teknologi mesra alam *Aedestech Mosquito Home System* (AMHS) yang dibangunkan oleh One Team Networks di bawah program MySTI (Program Penggunaan Barangan dan Perkhidmatan Hasil R&D Tempatan) telah digunakan secara intensif selama 24 minggu iaitu bermula Februari hingga Julai 2025. Hasil pemantauan melalui kaedah Ovitrap Index menunjukkan penurunan populasi nyamuk Aedes secara signifikan, selari dengan garis panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Menurut YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, kajian keberkesanan AMHS di bawah inisiatif MySTI membuktikan impak positif terhadap pengurangan populasi nyamuk Aedes dan risiko jangkitan demam denggi. Keberkesanan teknologi ini turut disokong oleh penerbitan dalam 18 jurnal saintifik, menjadikannya antara projek teknologi tempatan yang paling signifikan dalam menangani isu kesihatan awam. MOSTI komited untuk memperluaskan penggunaan

AMHS ke kawasan berisiko tinggi, khususnya zon merah denggi, melalui kerjasama rentas agensi dan mekanisme pembiayaan strategik.

Usaha ini selari dengan aspirasi Kerajaan MADANI yang menekankan kedaulatan teknologi tempatan serta pengurangan kebergantungan kepada teknologi luar. Inisiatif seperti MySTI membuktikan bahawa inovasi dalam negara mampu menghasilkan penyelesaian yang berimpak tinggi, sekali gus meningkatkan kesejahteraan rakyat dan memperkukuh daya saing negara dalam bidang sains dan teknologi.

MySTI adalah salah satu strategi Kerajaan untuk mempersiapkan negara ke arah mencapai kedaulatan teknologi dan mengurangkan kebergantungan terhadap teknologi luar. Dalam masa yang sama, inisiatif ini juga akan membantu mempercepatkan adaptasi teknologi dan proses digitalisasi Kerajaan ke arah pembangunan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap dan pintar.

Sehingga kini, program MySTI kini telah diperluas kepada semua Kementerian, GLC dan agensi Kerajaan Negeri melalui **Pekeliling Perbendaharaan/Pekeliling Perolehan 1.4: Dasar Bahan, Barangan Dan Perkhidmatan Tempatan Dalam Perolehan Kerajaan**, meletakkan barangan dan perkhidmatan berlogo MySTI sebagai keutamaan dalam perolehan Kerajaan mulai 23 Jun 2025.

Sehingga kini, sebanyak 506 barangan dan perkhidmatan tempatan telah menerima penandaan logo MySTI dan disenaraikan dalam Inventori MySTI di portal www.mysti.gov.my. Pendaftaran adalah percuma dan terbuka kepada semua penyelidik dan syarikat tempatan yang layak.

Teknologi yang memelihara kesihatan awam seperti AMHS merupakan manifestasi sebenar pendekatan MADANI, yang bukan sahaja mementingkan kemajuan teknologi, tetapi turut memastikan seluruh rakyat menikmati hasilnya.

MOSTI percaya pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of-society* seperti ini harus diteruskan lagi bagi melahirkan lebih banyak solusi teknologi tempatan yang menyelesaikan isu kesihatan awam terutama Parlimen Tanjong Malim dan seterusnya ke seluruh negara sejajar dengan aspirasi Kerajaan MADANI untuk menjamin kesejahteraan rakyat.

- TAMAT -

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)
2 OGOS 2025

